

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/ AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan profil risiko yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/agensi negeri.
- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.
- Pengauditan dilaksanakan terhadap dua perkara melibatkan satu jabatan dan satu agensi seperti berikut:
 - bayaran terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan di Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM); dan
 - perbelanjaan menggunakan agihan wang zakat bagi asnaf fisabilillah di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri dilaksanakan untuk menentukan sama ada:
 - bayaran terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan di jabatan diuruskan dengan teratur, berhemat dan mematuhi peraturan serta perjanjian yang berkuat kuasa; dan
 - perbelanjaan menggunakan agihan wang zakat bagi asnaf fisabilillah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan syarat yang ditetapkan serta peruntukan undang-undang, syariah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- **Bayaran Terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di JAIM:**
 - denda terhadap pengawal keselamatan tidak membuat rondaan *clocking* dengan teratur tidak dikenakan berjumlah RM5,920; dan

- denda terhadap kegagalan pihak syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan menyediakan kelengkapan dan peralatan yang mencukupi tidak dikenakan berjumlah RM45,388.
- **Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah di MAIM:**
 - terdapat perbezaan jumlah tuntutan perolehan bangunan Wisma Melaka Mesir berjumlah RM0.80 juta; dan
 - perbelanjaan kepada Jabatan Mufti Negeri Melaka berjumlah RM6,150 tidak digunakan mengikut maksud asnaf fisabilillah yang sepatutnya.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

Pihak Audit mengesyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- **Bayaran Terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di JAIM:**
 - mengambil tindakan tegas terhadap syarikat yang tidak mematuhi terma dan syarat perjanjian dengan mengenakan denda;
 - menamatkan dan menyenaraihitamkan syarikat yang masih gagal mematuhi syarat perjanjian dan tidak memperbaiki prestasi perkhidmatannya; dan
 - mempertingkatkan aspek pemantauan secara berjadual dan mengejut terutamanya pada waktu malam bagi memastikan pihak syarikat melaksanakan perkhidmatan dengan baik.
- **Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah di MAIM:**
 - memastikan dokumen berkaitan pembelian/perjanjian jual beli disemak sebelum perjanjian dimuktamadkan dengan teliti bagi menjaga kepentingan MAIM; dan
 - bertanggungjawab untuk memastikan sumbangan yang dilaksanakan adalah mengikut maksud asnaf fisabilillah yang sepatutnya dan yang lebih memerlukan mengikut keutamaan.

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/ AGENSI NEGERI

PENGENALAN

1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/ agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.
2. Pada tahun 2021, sebanyak dua pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap satu jabatan dan satu agensi negeri seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN BAGI TAHUN 2021

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Bayaran Terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	Jabatan Agama Islam Melaka
2.	Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat bagi Asnaf Fisabilillah	Majlis Agama Islam Melaka